

Konsep Asnaf Muallaf Dan Had Pengukuran Muallaf

Mohammad Noorazlan Md Ismail¹

Nor Aini Ali²

ABSTRAK

Zakat dilihat sebagai salah satu program jaringan keselamatan sosial dalam melindungi orang yang memerlukan khususnya muallaf. Asnaf muallaf merupakan salah satu daripada golongan yang layak untuk menerima agihan zakat. Walau bagaimanapun, had tempoh pengukuran muallaf memberi implikasi kepada agihan zakat kepada kategori asnaf ini. Kajian ini membentangkan konsep dan had tempoh pengukuran muallaf dalam memastikan jaringan keselamatan sosial golongan ini terjamin. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan bagi mengumpulkan data. Dapatan data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa asnaf muallaf dikhususkan kepada mereka yang baru memeluk agama Islam seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Seterusnya, keputusan mengehadkan tempoh panggilan muallaf kepada lima tahun adalah amat sesuai sebagai satu pengukur untuk mereka menerima bantuan zakat bagi kategori asnaf muallaf.

Kata kunci: *konsep muallaf; asnaf muallaf; agihan zakat; had tempoh muallaf; majlis agama Islam negeri.*

ABSTRACT

Zakat is seen as one of the social safety net programs to protect people in need, especially muallaf. Muallaf is one of the groups eligible to receive zakat distribution. However, the limitation of the conversion measurement period has implications for the distribution of zakat to this asnaf category. This study presents the concept and limitation of the measurement period of converts in ensuring the social safety net of this group is guaranteed. This study uses library research to collect data. Data findings are analyzed using thematic analysis methods. The results of the study found that asnaf muallaf is dedicated to those who have just converted to Islam as stipulated in the respective State Islamic Religious Administration Enactment. Next, the decision to limit the call period of converts to five years is very appropriate as a measure for them to receive zakat distribution for the category of muallaf.

Keywords: *convert concept; converts asnaf; zakat distribution; conversion period limit; state Islamic religious council.*

¹ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

² PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Dalam al-Quran, banyak dalil menunjukkan kewajipan membayar zakat namun secara ringkas sahaja. Akan tetapi al-Quran turut ada menyebut tentang golongan yang berhak menerima hasil kutipan zakat secara terang. Dalil pensyariatan berkenaan pengagihan zakat adalah bersumberkan daripada sumber-sumber primer iaitu nas al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah dalam Surah al-Tawbah ayat ke-60;

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغُرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Surah al-Tawbah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Bertitik tolak daripada ayat tersebut, dapat kita fahami bahawa lapan golongan asnaf ini iaitu orang fakir, orang miskin, amil, muallaf, *al-riqāb*, *al-ghārimīn*, orang yang berjihad di jalan Allah dan *ibn al-sabīl* layak menerima hak mereka terhadap zakat yang telah dikutip. Menurut pelaksanaan pada masa kini terdapat beberapa golongan asnaf yang diluaskan definisinya seperti muallaf, *al-riqāb*, orang yang berjihad *fi sabīl Allah* kepada makna yang lebih sesuai dengan konteks semasa. Lanjutan daripada ini, wujud pelbagai pendapat dan kefahaman dalam kalangan fuqaha klasik mahupun kontemporari.

Pendapat Mahmood Zuhdi³ dalam ayat di atas berikut bahawa pengagihan zakat lebih diutamakan dan disebut dengan jelas oleh Allah SWT jika dibandingkan dengan aspek penentuan dalam kutipan zakat. Hal ini berikutan kerana penyelewengan yang berlaku dalam agihan zakat mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi. Ini disokong oleh Mohd Saufi et al.⁴ yang menyatakan hal berkaitan agihan zakat juga sangat penting dalam aspek pengurusan zakat. Ia tidak tertumpu kepada hal berkaitan kutipan zakat sahaja. Suruhan Allah SWT terhadap pengagihan zakat disebut secara jelas dan terperinci dalam al-Quran jika dibandingkan dengan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat. Namun begitu, masih ada beberapa perkara lain yang perlu dititikberatkan dalam mencapai agihan zakat yang optimum. Kajian oleh Hairunnizam Wahid et al. turut menyatakan kajian mengenai keberkesanan agihan zakat perlu dilakukan agar institusi zakat dapat menilai keadaan sebenar proses agihan zakat tersebut daripada sudut pandang yang berbeza di samping terdapat banyak kajian yang dilakukan mengenai kutipan agihan zakat.⁵

³ Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 185.

⁴ Mohd. Saufi Ismail, Hasan Bahrom & Wan Yusrol Wan Yusof, "Kajian Terhadap Pembentukan Modal Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir Dan Miskin di Pantai Timur," (makalah, Kertas Ilmiah UiTM, 2006)

⁵ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia" (makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009).

Sehubungan dengan itu, institusi zakat perlu memikul tanggungjawab dan amanah yang besar dalam menguruskan agihan dana zakat ini. Pandangan dan tohmahan yang negatif oleh masyarakat terhadap agihan zakat akan memberi kesan negatif kepada pembayar zakat. Hal ini membawa kepada tindakan pembayar zakat untuk mengagihkan sendiri zakat secara terus kepada asnaf.⁶ Kesan daripada ini akan menyebabkan berlakunya pertindihan atau keciciran golongan asnaf tertentu sehingga golongan asnaf lain yang lebih layak tidak dapat menerima hak mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif, yang sesuai untuk meneroka sesuatu fenomena kajian berbentuk kompleks yang tidak boleh diukur secara langsung.⁷ Penyelidikan kualitatif amat berguna untuk memahami konteks sosial dan budaya, pengalaman subjektif serta persepsi individu.⁸ Penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang fleksibel dan mendalam tentang objektif kajian ini iaitu menganalisis pendefinisian mualaf serta had tempoh yang sesuai untuk digunakan kepada asnaf kategori ini.

Data untuk kajian ini akan dikumpulkan melalui semakan menyeluruh terhadap literatur dan dokumen yang berkaitan daripada perpustakaan dan sumber akademik lain. Kajian kepustakaan ialah kaedah yang berguna untuk mengumpul data dan maklumat mengenai pelbagai topik yang difokuskan.⁹ Kajian literatur dijalankan menggunakan laman sesawang rasmi institusi zakat di Malaysia, kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari serta pangkalan data sedia ada antaranya *Google Scholar* dan *Semantic Scholar*. Penggunaan kajian kepustakaan membolehkan penyelidik mengakses sejumlah besar data sekunder dan maklumat tentang asnaf mualaf.

Bagi proses analisis data, kajian ini akan menggunakan analisis tematik. Analisis tematik adalah kaedah yang digunakan secara meluas untuk menganalisis data kualitatif yang melibatkan mengenal pasti corak, tema dan kategori dalam data.¹⁰ Analisis akan melibatkan proses pengkodan dan pengkategorian data yang sistematik dan berulang, dengan tujuan untuk mengenal pasti tema dan corak utama yang muncul daripada data. Analisis tematik akan membolehkan penerokaan yang teliti dan mendalam tentang asnaf mualaf serta had tempoh mereka berada dalam kategori ini.

DEFINISI MUALAF

Definisi mualaf akan didalami daripada pelbagai sudut iaitu berdasarkan istilah dari segi bahasa, definisi menurut ulama fiqh serta definisi di dalam undang-undang di Malaysia.

⁶ Hamizul Abdul Hamid "Agih sendiri zakat?", laman sesawang Utusan Online, dicapai pada 20 Ogos 2017,

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0825&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

⁷ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (London: Sage Publications, 2014).

⁸ Michael Quinn Patton, *Qualitative Research and Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice* (London: Sage Publications, 2015)

⁹ Diana Ridley, *The Literature Review: A Step-by-Step Guide for Students* (London: Sage Publications, 2012).

¹⁰ Virginia Braun dan Victoria Clarke, "Reflecting on Reflexive Thematic Analysis," *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11, no. 4 (2019), 589-597.

Definisi Mualaf Dari Segi Bahasa

Definisi mualaf akan dirujuk daripada tiga jenis kamus bahasa iaitu kamus bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam memahami makna mualaf secara kasar.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, mualaf didefinisikan sebagai seorang yang telah memeluk agama Islam.¹¹ Al-Marbawī juga mendefinisikan mualaf sebagai seseorang yang baru memeluk Islam. Perkataan mualaf dari sudut bahasa Arab terbentuk daripada kata dasar *alifa – ya’lifu – ilfān*. *Alifahu* pula bermaksud suka terhadap sesuatu manakala *allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka.¹²

Definisi Mualaf Menurut Ulama Fiqh

Definisi dan pandangan ulama fiqh diambil kira dalam memahami pemahaman sebenar kategori asnaf mualaf dan implikasinya kepada pelaksanaan agihan zakat menurut mazhab masing-masing.

Jadual 2.1: Definisi Mualaf Menurut Ulama Fiqh dan Implikasi kepada Agihan Zakat

Ulama Mazhab - Item	Mazhab Hanafi			Mazhab Maliki			Mazhab Syafii			Mazhab Hambali		
	al-Kasānī	al-Sarakhsī	'Abu al-Ma'ālī	al-Dusūqī	al-Kharshī	Ḍiyā' al-Dīn	al-Shāfi'īy	al-Nawawī	al-Sharbaynī	Ibn al-Qudāmah	Bahauddin	al-Bahūti
Pemimpin dan pembesar Arab	/	/										
Kafir Musyrikin			/									
Orang kafir yang diharapkan untuk memeluk Islam atau mengelak daripada kejahatan mereka				/	/	/		/	/	/	/	/
Muslim yang baru memeluk Islam tetapi keimanan masih belum kukuh				/	/	/	/	/	/	/	/	/
Pemimpin Islam yang mempunyai pengikut yang ramai dan diharapkan agar						/		/	/	/		/

¹¹ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), entri “mualaf”.

¹² Al-Marbawī, Muhammad Idris Abdul Rauf. *Qāmūs 'Idrīs al-Marbawī: Arab-Melayu*, (Pustaka Nasional, 1990) 1.

turut memeluk Islam												
Pemimpin Islam untuk mengutip zakat daripada golongan yang enggan bayar zakat dan pertahankan Islam										/		/
Implikasi hukum agihan zakat	Tidak memberi zakat kepada orang kafir selepas kewafatan Rasulullah SAW			Boleh diberikan zakat kepada orang kafir untuk galakan memeluk Islam			Tidak memberi zakat kepada orang kafir			Boleh diberikan zakat kepada orang kafir untuk galakan memeluk Islam		

Sumber: Kitab-kitab fiqh

Berdasarkan jadual di atas, dapat dirumuskan pemahaman ulama fiqh berkenaan mualaf atau disebut *al-mu'allafah qulūbuhum* dalam al-Quran serta implikasi pemahaman mereka terhadap hukum agihan zakat kepada asnaf mualaf.

Al-Kasānī¹³ dan al-Sarakhsī¹⁴ berpendapat mualaf adalah merupakan golongan daripada pemimpin Quraisy¹⁵ dan pahlawan Arab seperti 'Abī Sufyān bin Ḥarb, Ṣafwān bin 'Umayyah, al-'Aqra' bin Ḥābis, 'Uyaynah bin Ḥiṣn al-Fazāriy, al-'Abbās bin Marādīs al-Sulamīy, Mālik bin 'Awf al-Naṣriy, Ḥakīm bin Ḥizām dan lain-lain. Mereka digelar sebagai *al-mu'allafah qulūbuhum* kerana mereka mempunyai kuasa serta pengaruh yang besar dan pengikut yang ramai terdiri daripada orang Muslim dan juga munafik. 'Abū al-Ma'ālī pula mendefinisikan *al-mu'allafah qulūbuhum* secara umum iaitu tergolong dalam golongan Musyrikin. Hal ini berikutan Rasulullah SAW pernah memberikan zakat kepada mereka dengan tujuan melembutkan hati mereka dengan agama Islam. Pada ketika itu pengikut Islam masih dalam keadaan lemah dan sedikit berbanding dengan kaum Musyrikin.¹⁶

Definisi mualaf menurut al-Dusūqī¹⁷, al-Kharshī¹⁸ dan Bahauddin¹⁹ adalah golongan yang baru memeluk Islam dan tahap keimanan mereka yang masih belum kukuh perlu diagihkan zakat agar keislaman mereka kekal. Mereka juga menyatakan bahawa mualaf merupakan golongan kafir yang diberikan zakat agar mereka dapat dijinakkan dan diharapkan masuk Islam atau dapat mengekang mereka daripada berbuat kezaliman terhadap umat Islam. Hal ini sedikit berbeza di mana mualaf menurut al-

¹³ Abū Bakr bin Mas'ūd bin Aḥmād al-Kāsānī al-Ḥanafīy, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, cet. ke-2, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986) 2: 44.

¹⁴ Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūf*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1989) 3: 9.

¹⁵ Ar suku bangsa Arab. *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1261, entri "Quraisy".

¹⁶ Burhān al-Dīn Maḥmūd bin 'Aḥmād Abū al-Ma'ālī, *al-Muḥīṭ al-Burhānī fī al-Fiqh al-Nu'mānī Fiqh al-'Imām 'Abī Ḥanīfah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004) 2: 281

¹⁷ Muḥammad bin Aḥmad 'Arafah al-Dusūqī al-Mālikī, *Hāshiyah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, (t.tp, Dār al-Fikr, t.t) 1, 495.

¹⁸ Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Kharshī, *Sharḥ al-Kharshī 'alā al-Mukhtaṣār al-Jalīl*, (Mesir: Bulāq, 1317) 2, 217.

¹⁹ Bahā' al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Maqdisī, *Al-'Uddah Sharḥ al-'Umdah*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2003) 1, 155.

Shāfi'ī²⁰ mengkhususkan mualaf sebagai orang yang baru memeluk Islam dan pegangan mereka masih lemah. Zakat diagihkan kepada mualaf supaya keislaman mereka dapat dikekalkan dan semakin teguh.

Diyā' al-Dīn²¹, al-Nawawī²² dan al-Sharbaynī²³ menambah definisi mualaf selain orang kafir yang ingin dilembutkan hati dan orang yang baru memeluk Islam iaitu merupakan pemimpin Islam yang mempunyai pengikut yang ramai terdiri daripada kaum Muslimin dan Musyrikin. Agihan kepada pemimpin Islam tersebut supaya dapat mengajak rakyatnya dekat kepada Islam dengan memaparkan sisi baik agama itu sendiri.

Ibn al-Qudāmah²⁴, al-Bahūtī²⁵ masing-masing memahami mualaf sebagai orang kafir yang diharapkan untuk memeluk Islam atau mengelak daripada kejahatan mereka atau yang baru memeluk Islam tetapi keimanan masih belum kukuh atau pemimpin Islam yang mempunyai pengikut yang ramai dan diharapkan agar pengikutnya turut memeluk Islam serta pemimpin Islam dalam usaha untuk mengutip zakat daripada golongan yang enggan bayar zakat dan mempertahankan agama Islam apabila diserang.

Implikasi daripada pemahaman tersebut membawa kepada dua hukum iaitu memberi agihan zakat kepada orang kafir sebagai galakan untuk mereka memeluk agama Islam. Pendapat ini dipegang oleh ulama mazhab Maliki dan Hambali. Manakala bagi mazhab Hanafi dan Syafii mereka tidak mengagihkan zakat kepada orang kafir. Mazhab Hanafi berpendapat bahawa bahagian untuk asnaf mualaf ini telah dimansuhkan selepas kewafatan Rasulullah SAW. Malah, hal ini sudah menjadi ijmak bagi ulama-ulama mazhab Hanafi.

Menurut pandangan ulama fiqh yang lebih terkini mengenai mualaf iaitu Yūsuf al-Qaraḍawī²⁶ dan Wahbah al-Zuhaylī²⁷ dalam kitab masing-masing membahagikan mualaf kepada dua golongan iaitu golongan bukan Islam dan golongan Islam. Bagi golongan bukan Islam, mereka membahagikan kepada dua iaitu untuk mendapatkan kebbaikannya dan lagi satu untuk menghalang kejahatannya. Manakala dari sudut golongan Islam pula adalah orang yang baru peluk Islam dan masih lemah imannya. Selain itu, orang yang mempunyai kemuliaan di kalangan kaum mereka. Golongan seterusnya adalah orang yang menjaga keamanan negara di perbatasan. Akhir sekali, para pengumpul zakat yang perlu berhadapan dengan orang yang tidak ingin membayar zakat.

Justeru itu, pemahaman para ulama terhadap mualaf amat penting dalam memahami definisi sebenar yang terkait dengan realiti kini.

²⁰ Abī 'Abd Allah Muḥammad bin 'Idrīs al-Shāfi'īy, *al-Umm*, (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002) 2: 97.

²¹ Diyā' al-Dīn Khalīl bin 'Ishāq al-Jundī al-Mālikī al-Miṣrī, *al-Tawdīh fī Sharḥ al-Mukhtaṣar al-Far'ī lī Ibn al-Ḥājjib*, (t.tp, Markaz Najībawāh lī al-Makhtūṭāt wa Khidmah al-Turāth, 2008) 2: 348.

²² Yahya Bin Sharf al-Nawawī Maḥy al-Dīn Abū Zakariyā, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muḥtāṭīn*, (Beirut: al-Maktabah al-'Islāmī, 2001) 2: 313.

²³ Muḥammad Bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbaynī Shams al-Dīn, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifaḥ Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 4: 178.

²⁴ Muwafiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Qudāmah, *al-Mughnī*, (Kaherah: t.tp, 1968) 6: 475.

²⁵ al-Bahūtī Manṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs, *Kashaf al-Qinā 'ān Matn al-Iqnā'*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 2: 278.

²⁶ Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh al-Zakāh*, cet. kedua (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 959-596.

²⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 871-872.

Definisi Mualaf Menurut Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia

Definisi mualaf telah dihimpunkan hasil penelitian terhadap Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) di Malaysia melalui laman sesawang rasmi setiap MAIN.²⁸ Dapat disimpulkan bahawa definisi mualaf adalah seperti berikut:

Jadual 2.2: Takrifan Mualaf Menurut MAIN

Item / Negeri	Berjinak-jinak dengan Islam	Baru peluk Islam	Belum kuat iman	Ditarik simpati kepada Islam	Diharap bela Islam	Amankan kejahatan	Cenderung peluk Islam	Menarik kaum peluk Islam
Johor	/	/						
Kedah	/	/		/	/	/		
Melaka	/	/	/	/	/	/	/	
Negeri Sembilan	/	/	/				/	
Perak		/	/					/
Pulau Pinang		/	/				/	
Selangor	/	/		/	/	/		
Terengganu	/	/	/					
Pahang*	/	/	/				/	
Perlis**	/	/	/				/	
Wilayah Persekutuan**	/	/	/				/	
Sabah		/						
Kelantan*	/	/	/				/	
Sarawak	/	/	/				/	

* Pembahagian mualaf kepada Muslim sahaja.

** Pembahagian mualaf kepada Muslim dan bukan Muslim.

Sumber: Laman sesawang rasmi MAIN di Malaysia

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapat kita lihat bahawa definisi mualaf yang sering diguna pakai oleh MAIN adalah mualaf mewakili kepada seseorang yang dijinakkan hatinya kepada agama Islam atau seseorang yang baru memeluk agama Islam dan tahap keimanannya masih lemah atau seseorang yang mempunyai kecenderungan yang baik terhadap agama Islam. Definisi tersebut secara majoriti difahami dan dipraktikkan oleh MAIN di Malaysia. Tambahan pula, mazhab utama yang diamalkan di Malaysia adalah mazhab Syafii di mana mualaf itu sendiri merupakan orang yang baru memeluk agama Islam.

Akan tetapi, terdapat definisi yang jarang diguna pakai iaitu mualaf merupakan golongan yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela Muslim yang ditindas atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap Muslim. Definisi ini menurut MAIN bagi negeri Kedah, Melaka dan Selangor. Tambahan definisi mualaf oleh Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk) bahawa

²⁸ Rujuk lampiran 1

golongan tersebut termasuk seseorang yang mampu menarik kaumnya dekat kepada agama Islam. Terdapat kepelbagaian definisi yang disebutkan oleh MAIN dalam memahami golongan mualaf ini.

Definisi Mualaf Menurut Perundangan di Malaysia

Definisi mualaf telah dihimpunkan hasil penelitian terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia. Dapat disimpulkan bahawa definisi mualaf yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

Jadual 2.3: Definisi Mualaf Menurut Perundangan di Malaysia

Bil	Negeri	Enakmen	Definisi Mualaf
1	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Seksyen 107	<p>“Mualaf” ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam di bawah seksyen yang disebutkan.</p> <p>(1) Kehendak-kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi pemelukannya agama Islam oleh seseorang-</p> <p>(a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;</p> <p>(b) pada masa dia mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa kalimah itu bermakna “Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. ialah Pesuruh Allah”; dan</p> <p>(c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.</p> <p>(2) Seseorang yang tidak dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (1)(a), mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan menggunakan isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).</p>
	Kedah	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 70	
	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 95	
	Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 107	
	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 96	
	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 107	
	Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 107	
	Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam	

Bil	Negeri	Enakmen	Definisi Mualaf
		(Terengganu) 2001, Seksyen 91	
	Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991, Seksyen 101	
	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Seksyen 107	
2	Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 85	Tidak memberikan definisi “mualaf” secara terperinci. Hanya menyebut kehendak-kehendak bagi pemeluk Islam.
	Sabah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992, Seksyen 69	(1) Kehendak-kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi kemasukan sah seseorang itu ke dalam agama Islam : (a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara semunasabahnya jelas; (b) pada masa mengucap dua kalimah itu, orang itu mestilah sedar bahawa ia bermakna "Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W ialah Pesuruh Allah"; dan (c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri. (2) Seseorang yang tidak dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (a) subseksyen (1), mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan cara isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (b) subseksyen itu.
3	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	“Mualaf” ertinya seorang yang baru memeluk agama Islam.

Bil	Negeri	Enakmen	Definisi Mualaf
4	Sarawak	Ordinan Mahkamah Syariah, 2001	Tiada tafsiran khusus di dalam ordinan.

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri

Berdasarkan Jadual 2.3, dapat disimpulkan bahawa majoriti negeri-negeri di Malaysia mentafsirkan definisi mualaf di dalam enakmen negeri masing-masing. Rumusan tersebut seperti berikut:

- 1) Mendefinisikan mualaf sebagai seseorang yang telah memeluk agama Islam secara sedar, jelas dan tanpa paksaan dengan mengucap dua kalimah syahadat. Bagi yang tiada keupayaan untuk bertutur, mereka dibolehkan menggunakan isyarat yang difahami yang membawa makna yang sama kepada dua kalimah syahadat tersebut. Enakmen negeri yang memberikan pendefinisian seperti ini adalah negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Pahang dan Perlis .
- 2) Istilah mualaf tidak didefinisikan dengan jelas di dalam enakmen negeri. Hanya menyebut kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi untuk memeluk agama Islam sahaja. Negeri tersebut adalah Wilayah Persekutuan dan Sabah.
- 3) Mendefinisikan mualaf sebagai seorang yang memeluk agama Islam dengan jelas akan tetapi tanpa menyebut kepada keperluan-keperluan memeluk agama Islam seperti negeri-negeri yang lain. Pendefinisian tersebut bagi negeri Kelantan.
- 4) Tidak terdapat definisi dan tafsiran yang terperinci mengenai mualaf di dalam ordinan mereka. Hal ini bagi negeri Sarawak.

Kesimpulannya, pelaksanaan agihan zakat kepada mualaf yang diamalkan di Malaysia secara majoritinya MAIN mengkhususkan agihan tersebut kepada mereka yang baru memeluk agama Islam seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing.²⁹

HAD TEMPOH PENGUKURAN MUALAF DI MALAYSIA

Had tempoh seseorang mualaf tidak ditentukan secara jelas oleh ulama fiqh. Perkara ini memberi implikasi kepada agihan zakat yang akan dilakukan. Jika seseorang yang baru memeluk Islam dan tiada had tempoh bagi pengukuran mualaf, makanya dia akan mendapat agihan zakat seumur hidupnya selagi mana dia kekal dalam agama Islam. Oleh itu, had tempoh bagi seseorang yang tergolong dalam asnaf mualaf perlu diletakkan ukuran agar agihan zakat dapat diagihkan dengan efisien.³⁰

Penelitian dilakukan terhadap fatwa-fatwa di Malaysia mengenai penetapan had tempoh pengukuran mualaf ini. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan merupakan badan yang dipertanggungjawabkan mengeluarkan fatwa. Majlis Raja-raja telah mewujudkan jawatankuasa ini dalam Persidangan Raja-raja Melayu yang diadakan pada 1 Julai 1968, bahawa telah memutuskan penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Majlis tersebut merupakan sebuah badan kebangsaan bagi menyelaras kerja, kegiatan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia.

²⁹ Ab Rahim Ibrahim, "Konsep al-Mualaf & Agihan Zakat dalam Konteks Malaysia: Satu Pengenalan," (makalah, Bengkel IkaZ Bersama Industri ke-6, Kuala Lumpur, 2010).

³⁰ "Status mualaf perlu dihadkan," laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 3 Ogos 2017, <http://www.bharian.com.my/node/168541>

Fatwa kebangsaan telah mengeluarkan fatwa berkaitan penetapan had tempoh pengukuran muaf di Malaysia adalah berdasarkan kepada 'urūf semata-mata pada sidang ke-69 tahun 2005.³¹ Hasil muzakarah tersebut sebagai panduan bebas kepada MAIN dalam penetapan had tempoh muaf berdasarkan adat kebiasaan mengikut negeri masing-masing. Majlis Fatwa Kebangsaan turut meraikan fatwa-fatwa MAIN yang sedia ada berkenaan penetapan tersebut kepada bilangan tahun tertentu.

Walhal itu, sidang muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali Ke-108 tahun 2015 telah mengeluarkan fatwa baru berkenaan had tempoh panggilan muaf kepada lima tahun.³² Natijah muzakarah kedua mengenai penetapan had tempoh muaf adalah penetapan tempoh maksimum sebanyak lima tahun seseorang itu digelar sebagai muaf. Ini kerana terdapat aduan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu bahawa terdapat muaf yang “melompat” ke negeri lain di mana had tempoh muafnya lebih lama untuk memohon bantuan asnaf muaf. Terdapat salah laku oleh asnaf muaf tersebut dalam permohonan bantuan zakat. Oleh itu, Majlis Fatwa Kebangsaan telah menyarankan MAIN agar menetapkan had tempoh muaf maksimum lima tahun untuk penyeragaman secara menyeluruh di Malaysia. Namun MAIN masih bebas untuk mengecualikan daripada mengikut fatwa ini atau turut serta menetapkan kadar maksimum kepada lima tahun.

Sebagai contoh, fatwa Negeri Selangor berkenaan dengan penentuan had tempoh muaf di negeri tersebut. Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, penetapan had tempoh maksimum pengukuran muaf di Selangor adalah lima tahun yang telah diwartakan pada 2003 selari dengan saranan Majlis Fatwa Kebangsaan. Tempoh lima tahun tersebut dirasakan sebagai tempoh yang amat cukup untuk muaf mendalami ilmu agama. Kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh MAIS disyaratkan kepada muaf menghadirinya sepanjang tempoh tersebut. Pembiayaan segala kos pembelajaran dan pendidikan bagi muaf tersebut turut ditanggung sepenuhnya oleh MAIS.³³

Had tempoh muaf diteliti mengikut setiap negeri di Malaysia. Dapatan yang ditemui telah dibahagikan mengikut kategori bilangan tahun panggilan muaf seperti berikut:

Jadual 2.4: Had Tempoh Pengukuran Muaf di Malaysia

Bil	Negeri	Jumlah Tahun Panggilan Muaf
1	Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Johor* dan Sarawak**	Tiada penetapan
2	Terengganu	3 tahun
3	Selangor, Melaka, Majlis Fatwa Kebangsaan	5 tahun
4	Pahang	7 tahun
5	Sabah	5-7 tahun

* Ukuran tahap keimanan, jika sudah beriman, tidak dianggap sebagai muaf.

** Yang telah bertahun-tahun memeluk Islam tidak dianggap sebagai muaf lagi.

³¹ *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Cetakan Kelima (Malaysia : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 211.

³² *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Cetakan Kelima (Malaysia : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 250-251.

³³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003]

Sumber: Laman sesawang rasmi MAIN

Berdasarkan Jadual 2.4, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan had tempoh bagi pengukuran mualaf di Malaysia terdapat tiga jenis amalan iaitu selama tujuh tahun, lima tahun dan tiga tahun. Kebanyakan negeri seperti negeri Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan dan Sarawak tiada penetapan tahun bagi panggilan asnaf mualaf ini. Sebagai tambahan, di negeri Johor tahap keimanan menjadi kayu ukur sebagai penentuan mualaf manakala di negeri Sarawak pula seseorang yang telah memeluk Islam bertahun-tahun tidak lagi disebut sebagai mualaf.

Negeri Pahang mengehendkan penggunaan mualaf terhadap orang yang baru memeluk Islam selama tujuh tahun sahaja. Had tempoh bagi lima tahun penggunaan istilah mualaf pula digunakan di negeri Selangor dan Melaka serta menurut fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Had tempoh di negeri Sabah lebih fleksibel di mana tempoh panggilan mualaf selama lima hingga tujuh tahun. Had tempoh tiga tahun diguna pakai di negeri Terengganu dalam pengukuran sebagai mualaf. Oleh itu, had tempoh pengukuran mualaf ini penting kerana akan melibatkan proses agihan zakat kepada asnaf mualaf mengikut negeri masing-masing.

Apabila mengagihkan zakat kepada asnaf mualaf, adalah penting untuk mengambil kira keperluan dan keadaan khusus mereka. Dana zakat boleh digunakan untuk menyediakan sokongan kewangan bagi membantu mereka memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Di samping itu, dana zakat boleh digunakan untuk menyediakan pendidikan dan latihan untuk membantu mereka memperoleh kemahiran pekerjaan baharu atau untuk menyediakan bantuan dalam mencari pekerjaan. Dana zakat juga boleh digunakan untuk membantu asnaf mualaf berintegrasi dalam masyarakat Islam dengan memberikan sokongan untuk mempelajari amalan dan budaya Islam. Secara ringkasnya, agihan zakat kepada asnaf mualaf perlu dilakukan dengan mengambil kira keperluan dan keadaan khusus mereka, dengan ketelusan dan akauntabiliti, serta mengikut prinsip Islam.

KESIMPULAN

Agihan zakat kepada asnaf mualaf berdasarkan had tempoh pengukuran mualaf dapat memberi kesan yang baik terhadap dana zakat. Ini bermaksud bahawa seseorang yang telah memeluk Islam bertahun-tahun tidak lagi layak untuk menerima agihan zakat daripada bahagian asnaf mualaf. Sebagai asnaf mualaf, mereka mungkin memerlukan dukungan lebih lama kerana mereka masih beradaptasi dengan perubahan kehidupan yang signifikan. Oleh itu, dalam menentukan batas waktu untuk memberikan bantuan kepada asnaf mualaf, perlu dipertimbangkan faktor-faktor seperti kemampuan kewangan dan keterampilan mereka untuk memperoleh pekerjaan, serta kemampuan mereka untuk memperoleh dukungan dari keluarga dan komuniti setempat. Penetapan had tempoh mualaf untuk memberikan bantuan zakat kepada asnaf mualaf seharusnya didasarkan kepada pertimbangan yang sesuai dan fleksibel dan berdasarkan keadaan individu mereka. Dalam hal ini, sebaiknya had tempoh ditetapkan kepada lima tahun sahaja dengan asas tempoh masa yang mencukupi untuk seseorang mualaf itu mendalami agama dan cara hidup orang Islam dengan suasana kehidupan semasa di Malaysia yang majoritinya adalah Muslim. Walau pun seseorang itu masih memerlukan bantuan zakat, dia boleh membuat permohonan berdasarkan bantuan bagi asnaf fakir dan miskin.

SENARAI RUJUKAN

- Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 185.
- Mohd. Saufi Ismail, Hasan Bahrom & Wan Yusrol Wan Yusof, “Kajian Terhadap Pembentukan Modal Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir Dan Miskin di Pantai Timur,” (makalah, Kertas Ilmiah UiTM, 2006)
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Radiah Abdul Kader, “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia” (makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009).
- Hamizul Abdul Hamid “Agih sendiri zakat?”, laman sesawang Utusan Online, dicapai pada 20 Ogos 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0825&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm
- John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (London: Sage Publications, 2014).
- Michael Quinn Patton, *Qualitative Research and Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice* (London: Sage Publications, 2015)
- Diana Ridley, *The Literature Review: A Step-by-Step Guide for Students* (London: Sage Publications, 2012).
- Virginia Braun dan Victoria Clarke, “Reflecting on Reflexive Thematic Analysis,” *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11, no. 4 (2019), 589-597.
- Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), entri “mualaf”.
- Al-Marbawī, Muhammad Idris Abdul Rauf. *Qāmūs 'Idrīs al-Marbawī: Arab-Melayu*, (Pustaka Nasional, 1990) 1.
- Abū Bakr bin Mas'ūd bin Aḥmād al-Kāsānī al-Ḥanafīy, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, cet. ke-2, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986) 2: 44.
- Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūṭ*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1989) 3: 9.
- Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1261, entri “Quraaisy”.
- Burhān al-Dīn Maḥmūd bin 'Aḥmād Abū al-Ma'ālī, *al-Muḥīṭ al-Burhānī fī al-Fiqh al-Nu'mānī Fiqh al-'Imām 'Abī Ḥanīfah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004) 2: 281
- Muḥammad bin Aḥmad 'Arafah al-Dusūqī al-Mālikī, *Ḥāshiyah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, (t.tp, Dār al-Fikr, t.t) 1, 495.
- Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Kharshī, *Sharḥ al-Kharshī 'alā al-Mukhtaṣār al-Jalīl*, (Mesir: Bulāq, 1317) 2, 217.
- Bahā' al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Maqdisī, *Al-'Uddah Sharḥ al-'Umdah*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2003) 1, 155.
- Abī 'Abd Allah Muḥammad bin 'Idrīs al-Shāfi'iy, *al-Umm*, (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002) 2: 97.
- Diyā' al-Din Khalīl bin 'Ishāq al-Jundī al-Mālikī al-Miṣrī, *al-Tawḍīḥ fī Sharḥ al-Mukhtaṣar al-Far'ī lī Ibn al-Ḥājib*, (t.tp, Markaz Najībawāih lī al-Makḥṭūṭāt wa Khidmah al-Turāth, 2008) 2: 348.
- Yahya Bin Sharf al-Nawawī Maḥy al-Dīn Abū Zakariyā, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Mufīn*, (Beirut: al-Maktabah al-'Islāmī, 2001) 2: 313.
- Muḥammad Bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbaynī Shams al-Dīn, *Mughnī al-Muḥṭāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 4: 178.

- Muwafiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Qudāmah, *al-Mughnī*, (Kaherah: t.tp, 1968) 6: 475.
- Al-Bahūtī Maṣṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs, *Kashaf al-Qinā ‘ān Matn al-Iqnā’*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 2: 278.
- Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh al-Zakāh*, cet. kedua (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 959-596.
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, cet. ke-2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 871-872.
- Ab Rahim Ibrahim, “Konsep al-Muallaf & Agihan Zakat dalam Konteks Malaysia: Satu Pengenalan,” (makalah, Bengkel IkaZ Bersama Industri ke-6, Kuala Lumpur, 2010).
- “Status muallaf perlu dihadkan,” laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 3 Ogos 2017, <http://www.bharian.com.my/node/168541>
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Cetakan Kelima (Malaysia : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003]
- Lembaga Zakat Kedah, “Takrifan asnaf” <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/penerima-zakat/#1479873406496-4d0d233a-2ae2>
- Majlis Agama Islam Melaka, “Asnaf Muallaf”, <http://www.maim.gov.my/index.php/my/contact/asnaf-zakat-program/muallaf>
- Pusat Zakat Negeri Sembilan, “Zakat dan kewajipan”, <http://www.zakatns.com.my/v5/info-zakat/zakat-dan-kewajipan>
- Zakat Pulau Pinang, “Info Agihan”, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/info-agihan>
- Lembaga Zakat Selangor, “Pengenalan Asnaf Zakat”, <http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/info-agihan-2/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, “Siapa penerima zakat”, <http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/404-siapa-penerima-zakat>
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, “Asnaf Muallaf”, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-jenis-asnaf/asnaf-muallaf>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, “Asnaf”, <http://www.maips.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, “Bantuan Zakat”, <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>
- Pusat Zakat Sabah, “Info Agihan Zakat”, http://www.zakat.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=17&Itemid=138&lang=en
- Majlis Agama Islam dan Ada Istiadat Meayu Kelantan, “Agihan Zakat”, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>
- Tabung Baitulmal Sarawak, “Asnaf”, <http://www.tbs.org.my/www/?page=101>

Lampiran 1

Takrifan Muallaf Menurut Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia

No.	Negeri	Takrifan Muallaf
-----	--------	------------------

1	Johor	Mereka yang hatinya baru berjinak– jinak dengan agama Islam dan mendapat hidayah menganuti Islam supaya mereka merasakan adanya tempat bergantung bagi menghadapi cabaran yang mendatang.
2	Kedah ³⁴	Muallaf adalah seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam.
3	Melaka ³⁵	Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya. Atau, Mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya atau keyakinannya dapat bertambah terhadap Islam, atau terhalangnya niat jahat mereka atas kaum Muslimin, atau harapan akan adanya kemanfaatan mereka dalam membela dan menolong kaum Muslimin dari musuh.
4	Negeri Sembilan ³⁶	Muallaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya)
5	Perak	Muallaf maknanya seseorang yang baru beragama Islam yang kepercayaannya belum kukuh dan termasuklah orang kafir yang telah memeluk Ugama Islam yang boleh menarik kaum bangsanya ke-Ugama Islam.
6	Pulau Pinang ³⁷	Muallaf ialah orang kafir atau bukan Islam yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru memeluk agama Islam yang imannya masih lemah.
7	Selangor ³⁸	Muallaf adalah seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam.
8	Terengganu ³⁹	Muallaf ialah seseorang yang dijinakkan hatinya dan telah memeluk agama Islam, tetapi tahap keimanannya masih lemah.
9	Pahang ⁴⁰	Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada empat:-

³⁴ Lembaga Zakat Kedah, “Takrifan asnaf” <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/penerima-zakat/#1479873406496-4d0d233a-2ae2>

³⁵ Majlis Agama Islam Melaka, “Asnaf Muallaf”, <http://www.maim.gov.my/index.php/my/contact/asnaf-zakat-program/muallaf>

³⁶ Pusat Zakat Negeri Sembilan, “Zakat dan kewajipan”, <http://www.zakats.com.my/v5/info-zakat/zakat-dan-kewajipan>

³⁷ Zakat Pulau Pinang, “Info Agihan”, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/info-agihan>

³⁸ Lembaga Zakat Selangor, “Pengenalan Asnaf Zakat”, <http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/info-agihan-2/>

³⁹ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, “Siapa penerima zakat”, <http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/404-siapa-penerima-zakat>

⁴⁰ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, “Asnaf Muallaf”, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-jenis-asnaf/asnaf-muallaf>

		<ol style="list-style-type: none"> 1) Baru memeluk agama Islam 2) Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya. 3) Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang dibawah pimpinannya 4) Orang-orang yang memeluk Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh
10	Perlis ⁴¹	<p>Muallaf ialah mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu:</p> <p>a) Beragama Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Baru memeluk Agama Islam (Saudara Baru). 2) Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya. 3) Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya. 4) Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam. <p>b) Bukan Beragama Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Boleh dipujuk supaya masuk Islam 2) Boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam.
11	Wilayah Persekutuan ⁴²	<p>Mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) ianya dibahagi kepada dua iaitu :</p> <p>a) Beragama Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Baru memeluk Agama Islam (Saudara Baru). 2) Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya. 3) Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya. 4) Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam. <p>b) Bukan Beragama Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Boleh dipujuk supaya masuk Islam 2) Boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam.
12	Sabah ⁴³	<p>Muallaf ialah seseorang yang baharu memeluk agama Islam dan memerlukan bantuan kewangan.</p>

⁴¹ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, "Asnaf", <http://www.maips.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf>

⁴² Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, "Bantuan Zakat", <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>

⁴³ Pusat Zakat Sabah, "Info Agihan Zakat", http://www.zakat.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=17&Itemid=138&lang=en

13	Kelantan ⁴⁴	Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada empat: <ol style="list-style-type: none">1) Baru memeluk Agama Islam (Saudara Baru).2) Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya.3) Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya.4) Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam.
14	Sarawak ⁴⁵	Orang yang baru memeluk Islam dan keimanannya belum lagi kukuh. Mereka ini perlu dijinakkan hatinya ataupun seseorang yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam. Nota: Mereka yang telah bertahun-tahun memeluk Islam terkeluar daripada asnaf muallaf.

Sumber: Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia

⁴⁴ Majlis Agama Islam dan Ada Istiadat Meayu Kelantan, “Agihan Zakat”, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>

⁴⁵ Tabung Baitulmal Sarawak, “Asnaf”, <http://www.tbs.org.my/www/?page=101>